



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SELASA, 09 SYAABAN 1442 / 23 MAC 2021
(HARI KESEMBILAN)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk membahaskan tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.

2.1.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

- i. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung
 - Ingin mengetahui perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mewujudkan Garis Panduan Tanah Perkuburan Islam Negara Brunei Darussalam bagi memastikan penggunaan tanah perkuburan Islam yang lebih teratur, selamat dan bersih.
 - Mencadangkan penswastaaan tanah-tanah perkuburan Islam bagi pengurusan yang lebih baik dari segi pemeliharaan, keselamatan dan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan, dan juga menyediakan peluang pekerjaan.
- ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu

- Memohonkan pencerahan bagi mengongsikan jumlah terkini Tabung Dana Pembinaan Masjid dan projek yang dirancangkan seterusnya.
- iii. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash`ari
- Menyoalkan sekiranya ada penelitian bagi kesesuaian penggunaan surau-surau bagi tujuan Solat Juma'at.
 - Mencadangkan bagi daging-daging yang diragui kehalalannya dalam proses penghapusan untuk disalurkan kepada badan-badan bukan kerajaan untuk diberi kepada haiwan-haiwan.
 - Mencadangkan penambahan latihan-latihan bersesuaian khusus bagi pentadbiran masjid.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin
- Memohon kepastian mengenai perancangan pembinaan masjid Rancangan Perumahan Negara di Lumut yang selari dengan perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara 2021/2022.
- 2.1.3. Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.
- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.2.3. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
- Memohonkan statistik jumlah pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Kerajaan yang dijangkakan tidak sempat melunaskan hutang sebelum bersara dan cara bagi mengelakkan hutang perumahan yang tertunggak ditanggung oleh waris.

- Mencadangkan beberapa perkara bagi memiliki pada usia muda, iaitu mendirikan rumah yang berkos rendah selaras dengan *market price* yang bersesuaian, menyediakan skim perumahan premium, mengawal sukat-sukat kawalan harga rumah dan kadar peratus pinjaman bank, dan *progressive financing*.

ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon

- Menyoalkan sekiranya Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai peranan dalam membantu menangani isu kelambatan penyediaan perumahan golongan kurang berkemampuan.
- Mencadangkan untuk menyerapkan penyediaan perumahan golongan kurang berkemampuan ke dalam Skim-Skim Perumahan Negara di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan.
- Ingin mengetahui perkembangan terkini Perumahan Negara H40.

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

- Ingin mengetahui jumlah permohonan Skim Rancangan Perumahan Negara dan giliran yang diproses setakat ini.
- Mencadangkan Jabatan Perumahan untuk mengumumkan statistik permohonan dan giliran setiap tahun.
- Memohon pencerahan mengenai ketiadaan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan berkenaan Akta Tanah mengenai isu masuk tapak tanah milik kerajaan tanpa izin.
- Menyoalkan mengapa tiada penyelarasan tindakan berkaitan pembersihan tanah kerajaan dengan tindakan masuk tanah kerajaan tanpa kebenaran.
- Ingin mengetahui sebab terjadinya proses permohonan pindah milik tanah yang memakan masa khususnya tiada penyelarasan ketetapan antara

Jabatan Tanah dan Kementerian Pembangunan mengenai kuasa bagi pemaju untuk menguruskan tanah-tanah yang dimajukan.

- iv. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit
- Menyoalkan agensi yang bertanggungjawab bagi perumahan di Jalan Danau Kampung Telisai, dan sama ada telah diambil oleh pihak Kerajaan.
 - Mencadangkan bagi sebahagian perumahan untuk dibukakan bagi cawangan Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong dan sebagai penempatan sementara bagi orang kurang berkemampuan atau mangsa kebakaran dan banjir.
 - Menyoalkan sekiranya ada cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan utama di beberapa Daerah Tutong yang rendah dari paras jalan yang sering dilanda banjir setiap kali musim hujan secara berfasa.
 - Memohonkan maklumat terkini berkenaan penyerahan kawasan tanah di Kg Pangkalan Dalai untuk Akademik Polis dibawah rancangan Jabatan Perancang dan Desa 2025 Mukim Telisai.
 - Menyarankan bagi pemulihan untuk dilaksanakan terhadap kawasan yang rosak akibat pengambilan tanah dan memberhentikan pengambilan tanah dikawasan tersebut setelah tamat permit pengambilan tanah dan untuk mencari kawasan bagi pengambilan tanah.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari
- Mencadangkan bagi penyediaan kemudahan jalan susur keluar dan masuk di beberapa buah jalan.
 - Mencadangkan agar Jabatan Kerja Raya dapat membuat penelitian dan perancangan membina *flyover* di Jalan Tutong, di kawasan persimpangan Jerudong-Sengkurong.
 - Cadangan bagi pelaksanaan *enforcement* dalam penggunaan tanah oleh warga asing.

- Ingin mengetahui sama ada Pantai Tungku adalah di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.
- vi. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman
 - Ingin mengetahui fungsi *Government Asset dan Information System (GAIS)* dan status implementasinya setakat ini.
 - Mencadangkan pihak Kementerian Pembangunan untuk mengkaji semula dasar penggunaan tanah yang lestari - *sustainable land usage*.
 - Menekankan keperluan untuk melabur dalam pengusahawan tempatan.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

- 2.2.4. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membuat kenyataan bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berkenaan status Pantai Tungku.
- 2.2.5. Mesyuarat menyambung bagi membahaskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan:
 - i. Yang Berhormat Ong Tiong Oh
 - Memohon agar proses pindah milik tanah dapat dipercepatkan agar tidak menimbulkan isu-isu tuntutan milik dari segi undang-undang.
 - Mencadangkan urus tadbir dari jabatan berkenaan supaya dapat memberikan informasi yang lebih terperinci bagi mengelakkan kesalahfahaman.

- ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim
 - Mencadangkan agar proses penukaran syarat tanah dan pemecahan tanah untuk dikaji semula.
 - Mencadangkan untuk meluaskan zon industri Pekan Bangar sehingga ke pos kawalan imigresen.

- iii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad
 - Memohon pencerahan mengenai dengan status *strata title* dan menyoalkan perkara berkaitan seperti berikut:
 - Menyoal sama ada boleh dibeli oleh warga luar negeri.
 - Menyoalkan sekiranya ada harga minimum dan maksimum bagi pembelian oleh warga luar negeri.
 - Had tempoh maksima *lease* yang dibenarkan.

- iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong
 - Mencadangkan agar menaiktaraf Jalan Tutong menuju Sengkurong secara berperingkat dan membina bahu jalan.
 - Ingin mengetahui sekiranya Kementerian Pembangunan mempunyai dasar memudahcara bagi kemajuan-kemajuan yang dibuat dalam kerajaan dengan dasar yang telus dan proses dalaman yang cepat.

- v. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin
 - Mencadangkan untuk membina kawasan rehat di sepanjang lebuh raya termasuk fasiliti seperti gerai-gerai makanan, surau, pusat sumber maklumat dan tandas.

- vi. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung
 - Menyoalkan sekiranya ada agensi yang ditubuhkan bagi memantau, mengurus dan mengawal pokok-pokok kayu di sepanjang jalan untuk memastikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.
 - Menyoalkan sekiranya Kementerian Pembangunan ada menyediakan Garispanduan Perancangan Landskap di Negara Brunei Darussalam.

- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu
 - Ingin mengetahui berapakah jumlah keseluruhan baki tunggakan kutipan hasil terkini bagi Skim Perumahan Negara.
 - Menyoalkan usaha-usaha baharu yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam menangani isu ini.

- viii. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii
 - Menyoalkan sejauh mana kelulusan perancangan dan persetujuan induk mengambil maklum balas penduduk atau pemilik tanah di kawasan berhampiran.
 - Mencadangkan untuk menetapkan tatacara atau sistem untuk mendapatkan maklum balas daripada penduduk di kawasan berhampiran terutamanya yang terkesan daripada pembangunan yang dicadangkan.
 - Menyoalkan sejauh mana pelaksanaan untuk memperkukuhkan "*Smart Building or Sustainable Design or Development Guidelines*" diterapkan ketika permohonan pembangunan dibuat.

- ix. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari
 - Menekankan pelaksanaan penguatkuasaan dan pemantauan berkaitan *Brunei National Climate Change Policy* dan *Green Protocol*.

- Menyoalkan tentang perancangan ABCi bagi mengatasi isu pemalsuan sijil, *sleeping partner* dan pekerja lari dari majikan.

2.2.6. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.3. **KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A.

2.3.2. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

2.3.3. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

- i. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii
 - Mencadangkan satu model *Public Private Partnership* (PPP) bagi penguatkuasaan berhubungkait dengan kesalahan-kesalahan *road traffic acts* melalui pennguatkuasaan Akta Kawalan Lalulintas, Penggal 68, Bab 149 (d) berkaitan no parking dan no waiting.
 - Mencadangkan pemilik bangunan dan harta tanah untuk memasang *network surveillance* di kawasan umum untuk mencegah pelanggaran peraturan dan undang-undang.
 - Mencadangkan untuk menubuhkan Unit Pengawal Pantai sama ada melalui *Public Private Partnership* (PPP) bagi melindungi sungai-sungai dan persisiran pantai negara.

- ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari
- Mencadangkan untuk melanjutkan tempoh mansuh kredit Easi.
 - Mencadangkan pelan tindakan melalui "*Whole of Nation Approach*" dengan memberi peluang pemasaran kad kredit DST, Progresif atau Kad Elektrik untuk diberikan kepada orang-orang tempatan.
 - Mencadangkan untuk meningkatkan pelaksanaan pengukuhan dasar dan undang-undang memandangkan masih terdapatnya *loophole* di Jabatan Pengangkutan Darat.
- iii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
- Menyoalkan status pelaksanaan negara berkenaan rangka kerja *ASEAN Single Aviation Market*.
 - Menyoalkan usaha Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengenai sistem pengangkutan awam yang belum menampakkan hasil.
 - Ingin mengetahui pecahan peruntukan bagi sistem pengangkutan awam sama ada ianya mencukupi untuk menambahbaik sistem pengangkutan awam.
- iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman
- Menyoalkan tindakan kementerian terhadap *runner-runner* yang ada pada masa ini dan menyoalkan sama ada perlu untuk mendapatkan lesen sepertimana peruntukan Akta Pos (Penggai 52).
 - Mencadangkan untuk mengawalselia *runner-runner* termasuk kawalan harga perkhidmatan berdasarkan berat dan saiz.

- Menyoalkan sama ada projek pemasangan tiang bas berjalan dengan teratur dan selesai sepenuhnya dan ingin mengetahui sebab sekiranya tidak dapat disiapkan sepenuhnya.
- Menyoalkan sama ada pihak Jabatan Pengangkutan Darat menggunakan sepenuhnya *Land Transport Masterplan (LTMP)* sebagai hala tuju sistem pengangkutan masa kini dan masa hadapan.

v. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis

- Menyoalkan sekiranya tindakan penguatkuasaan bergerak bagi menangkap pemandu yang menggunakan telefon bimbit masih diteruskan. Ingin mengetahui berapakah jumlah tangkapan yang dibuat sehingga kini.
- Menyoalkan sebab sekiranya penguatkuasaan bergerak tersebut dikurangkan dan sama ada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mempunyai pendekatan lain yang berkesan.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit

- Menyoalkan perancangan mengenai kakitangan *Royal Brunei Airlines (RB)* yang dicutikan tanpa gaji sehingga sekarang sejak penularan wabak COVID-19.
- Menyarankan dan mengajukan soalan kepada Jabatan Pengangkutan Darat bagi perkara berikut:
 - Menegaskan tindakan bantuan oleh syarikat *towing* untuk bertindak cepat;
 - Membuat pemberitaan sivik dan mengenalpasti penyelesaian di pusing keliling bagi kenderaan yang masih berhenti di garisan kuning;
 - Menyoalkan sama ada kenderaan berat luar negara yang membawa kenderaan

berat lain dikenakan bayaran atau cukai pengangkutan;

- Pemberhentian panik di jalan sempit bagi memberi laluan polis dan ambulan.

- vii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong
- Menyoalkan tentang perancangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam memikirkan inisiatif-inisiatif dan dukungan yang diperlukan bagi memudahkan orang ramai untuk memiliki kereta elektrik dengan mengambilkira harganya yang tinggi.
 - Mencadangkan untuk memperbaiki sistem perkhidmatan teksi dan perkhidmatan bas awam negara.
- viii. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput
- Memohon pertimbangan bagi agensi-agensi insurans untuk meniadakan *loading fee* / caj sebanyak 10% ke atas kenderaan yang berumur 6 tahun ke atas.
- ix. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu
- Mencadangkan untuk mewujudkan pengeluaran lesen memandu bagi kenderaan *automatic* dan dikenakan bayaran yang sama dengan lesen-lesen bermotor yang lain.
 - Ingin mengetahui sejauh mana kebenaran bagi warga asing untuk memandu kenderaan dengan lesen memandu negara mereka dan menyoalkan kawalan yang dibuat mengenainya.
 - Menyoalkan keberkesanan SiKAP dan ingin mengetahui statistik bagi kesalahan-kesalahan pemandu yang dikenakan *demerit* dan juga yang dikenakan hukuman serta inisiatif-inisiatif

yang diberikan kepada pemandu-pemandu yang bersih dan berdisiplin.

- x. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari
- Memohon untuk mempertimbangkan pengecualian bayaran cukai jalan bagi van jenazah.
 - Ingin mengetahui keselarasan *Digital Economy Masterplan* di sektor kerajaan dan Kementerian Pendidikan.
 - Ingin mengetahui inisiatif yang diselenggarakan antara pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Pendidikan untuk membantu generasi muda bergerak ke hadapan menghadapi *4th Industrial Revolution*.

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA
PADA 24 MAC 2021 JAM 9.30 PAGI]**
